



**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**SYARAT-SYARAT DAN GARIS PANDUAN UNTUK
PENULISAN ARTIKEL**

1. Tawaran untuk menyumbangkan artikel adalah terbuka kepada semua jurulatih INTAN di Kampus Utama Bukit Kiara, INTAN Putrajaya dan juga kampus-kampus wilayah tanpa mengira gred dan jawatan.
2. Artikel yang ditulis adalah berdasarkan ilmu pengetahuan/pengalaman/pendapat/pandangan/kajian sama ada yang berkaitan dengan bidang kepakaran mahupun subjek yang dikendalikan oleh jurulatih.
3. Artikel boleh ditulis sama ada secara perseorangan atau secara berpasukan.
4. Artikel yang ditulis adalah karya asli dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan.
5. Artikel boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris menggunakan tulisan *Times New Roman* bersaiz 12, dalam jarak langkau dua (*double-spacing*), ditaip di atas kertas bersaiz A4 dan menggunakan *Microsoft Word*.
6. Panjang artikel hendaklah antara 700 hingga 4,500 patah perkataan termasuk rujukan.
7. Petikan (*citations*) di dalam artikel dan senarai rujukan (*reference list*) hendaklah konsisten dan menggunakan format yang diterima umum seperti Oxford,

LAMPIRAN B

Harvard, Modern Language Association (MLA), American Sociological Association (ASA), American Psychological Association (APA) mengikut edisi terkini.

8. Halaman tajuk perlu disediakan dan harus merangkumi tajuk artikel, nama pengarang, jawatan, nama kampus/pusat/bahagian/unit serta nombor telefon pejabat dan telefon bimbit.
9. Penulis dibenarkan untuk menyumbang lebih daripada satu artikel.
10. Salinan digital (*soft copy*) artikel yang disumbangkan hendaklah dihantar secara elektronik atas tajuk ‘Artikel INTAN Trainer’s Digest 2025’ ke alamat e-mel intantd@intanbk.intan.my beserta **Borang Keizinan Penerbitan Artikel (Lampiran C)** yang telah ditandatangani.
11. Untuk pengemukaan salinan *hard copy* dan sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada:

Urus Setia ITD

Pusat Penyelidikan dan Konsultasi
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Kampus Utama Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2084 7363 / 7561
E-mel : intantd@intanbk.intan.my